

KUALA LUMPUR, 28 NOV. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI KESATUAN-KESATUAN SEKERJA PERLU BERHATI-HATI DALAM MENGAMBIL SEBARANG TINDAKAN UNTUK MENUNTUT LAYANAN YANG LEBIH BAIK TIDAKIRA SAMADA DARIPADA KERAJAAN ATAU MAJIKAN DI SEKTOR SWASTA.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN KEDAMAIAN PERUSAHAAN ADALAH PENTING DEMI PEMBANGUNAN DAN KEMAJUAN BERTERUSAN NEGARA INI.

BERUCAP MERASMIKAN PERSIDANGAN PERWAKILAN KE-16 KESATUAN PERKHIDMATAN TEKNIK SEMENANJUNG MALAYSIA (MTSU) DI SINI BELIAU MENINGATKAN KESATUAN-KESATUAN SEKERJA TENTANG HASRAT DAN USAHA-USAHA GIGIH KERAJAAN HENDAK MEMBANGUNKAN NEGARA INI SUPAYA MENJADI SEBUAH NEGARA MAJU.

HASRAT INI, KATANYA, BUKANLAH DIBUAT BERDASARKAN KEANGKUHAN KERAJAAN HENDAK MENJADI NEGARA INI MAJU DAN MAKMUR TETAPI BERDASARKAN KESEDARAN BAHAWA KEMAJUAN YANG DICAPAI NANTI AKAN MEMBAWA LEBIH BANYAK PERUBAHAN DALAM JENTERA PENTADBIRANNYA BAGI MEMASTIKAN PARA PEGAWAI DAN KAKITANGANNYA BEKERJA LEBIH KUAT DAN GIGIH, + TAMBAHNYA.

BELIAU MENJELASKAN SEMUA PERUBAHAN YANG DILAKUKAN DALAM PENTADBIRAN KERAJAAN ITU BUKANLAH BERTUJUAN UNTUK MENINDAS KAKITANGANNYA TETAPI SEMATA-MATA BERTUJUAN MEMASTIKAN NEGARA MENCAPAI KEMAJUAN YANG LEBIH BESAR.

MAHATHIR-KESATUAN 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENINGATKAN KESATUAN SEKERJA DALAM PERKHIDMATAN AWAM SUPAYA MENYEDARI HAKIKAT BAHAWA TIDAK SEMUA TUNTUTAN MEREKA DAPAT DIPENUHI.

+KERAJAAN TIDAK DAPAT MEMBERI APA SAJA YANG DIPINTA DAN ITULAH SEBABNYA KEDANGKALA KERAJAAN TERPAKSA MEMBERIKAN JAWAPAN YANG NEGATIF,+ KATANYA.

BELIAU BERKATA MALANGNYA APABILA KEPUTUSAN YANG NEGATIF DIBERIKAN KEPUTUSAN-KEPUTUSAN ITU PAYAH DITERIMA OLEH KESATUAN-KESATUAN TERSEBUT.

MENYENTUH TENTANG TUNTUTAN CUEPACS SUPAYA KERAJAAN MEMBAYAR ELAUN PERUMAHAN KEPADA KAKITANGANNYA YANG BERADA DALAM TINGKATAN KANAN KUMPULAN A KE BAWAH, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KERAJAAN TELAH MENGAJINYA SECARA AKTIF TETAPI MASIH BELUM MENEMUI JALAN UNTUK MENYELESAIKANNYA.

+MASALAHNYA BUKANLAM SAMADA UNTUK MEMBAYARNYA ATAU TIDAK TETAPI KESANNYA,+ TEGAS BELIAU.

SEBELUM ITU, PERDANA MENTERI MENEGASKAN BAHAWA SEBARANG TUNTUTAN UNTUK Mendapatkan Kenaikan Gaji MESTILAH DIBUAT BERDASARKAN PERTUMBUHAN

EKONOMI.---BERSAMBUNG 2047/HM

B626

MAHATHIR-KESATUAN 3 KUALA LUMPUR

KATANYA KENAIKAN GAJI DALAM KEADAAN EKONOMI YANG LEMBAB ATAU TIDAK BERGERAK TIDAK AKAN BERMAKNA KERANA DALAM KEADAAN INFLASI SEKARANG IA HANYA AKAN MENINGKATKAN LAGI KOS SARA HIDUP RAKYAT.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERPENDAPAT UNTUK MENCAPAI KENIDUPAN YANG LEBIH BAIK, SEMUA PIHAK MESTI BERUSAHA MEMASTIKAN EKONOMI NEGARA BERTUMBUH LEBIH PESAT KERANA HANYA DENGAN PERTUMBUHAN EKONOMI YANG LEBIH BESAR RAKYAT AKAN MENIKMATI SAEDAH-FAEDAHNYA NANTI.

+TETAPI JIKA PERTUMBUHAN ITU DISEKAT, RAKYATLAH YANG AKAN BERSAMA-SAMA NANTI MENANGGUNG KESANNYA,+ TEGAS BELIAU.---BERSAMBUNG 2050/HM

B631

MAHATHIR-KESATUAN 4 KUALA LUMPUR

PRESIDEN KESATUAN ITU, ENCIK P.VAMATHEVAN BERKATA KESATUAN TERSEBUT MENYOKONG PENUH LANGKAH KERAJAAN MENINGKATKAN KECEKAPAN DAN MENGEKALKAN DISIPLIN DI KALANGAN KAKITANGAN KERAJAAN.

TAMBAHNYA, KESATUAN ITU JUGA SEDANG BERGANDING BAHU DENGAN KERAJAAN UNTUK MENGWUJUDKAN PERKHIDMATAN KERAJAAN YANG BERSIH DAN CEKAP.

BELIAU MENGSYORKAN SUPAYA KETUA-KETUA JABATAN MEMBERITAHU KAKITANGAN MEREKA MENGENAI PROJEK-PROJEK DAN RANCANGAN YANG AKAN DILAKSANAKAN OLEH JABATAN ITU.---BERNAMA 2113/HM